



UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM

MAKLUMAT MPJBT MELALUI AKHBAR UNTUK BULAN JUN 2017

BIL.	NO. RUJUKAN	TARIKH	JENIS AKHBAR	JENIS ARTIKEL	TAJUK
1.	06 -2017/001	08.06.2017	Harian Metro	Info MPJBT	Tiada hadiah elak rasuah
2.	06-2017/002	08.06.2017	Sinar Harian	Info MPJBT	SPRM saran anggota PBT amal 'polisi tiada hadiah'
3.	06-2017/003	08.06.2017	Berita Harian	Info MPJBT	Warga MPJBT tandatangani ikrar bebas rasuah

RINGKASAN LAPORAN UNTUK BULAN JUN 2017:

JENIS ARTIKEL	JUMLAH
ADUAN	0
INFO MPJBT	3
INFO PBT	0
JUMLAH	3



MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH

No. Daftar : 06-2017/001
Tarikh : 08.06.2017 (Khamis)
Jenis Akhbar : Harian Metro
Jenis Artikel : Info MPJBT
Tajuk Artikel : Tiada hadiah elak rasuah



ADIB mengetuai lafaz ikrar pada program Ikrar Bebas Rasuah MPJBT Bersama SPRM Johor, semalam.

Tiada hadiah elak rasuah

Johor Bahru: Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) mengamalkan polisi tiada hadiah sejak tahun lalu bagi mengelak rasuah dalam kalangan kakitangannya.

Yang Dipertuanya Adib Azhari Daud berkata, polisi itu dilihat cara terbaik menghalang perbuatan rasuah dan diamalkan hingga kini.

Katanya, setiap tingkat di bangunan MPJBT mempunyai kaunter tetamu dan setiap hadiah yang dibawa akan dihalang memasuki pejabat.

Menurutnya, selain itu pihaknya mengarahkan pengawal keselamatan menghalang mana-mana individu membawa hamper atau apa-apa bentuk barang daripada masuk ke bangunan pejabat.

“Pada masa sama, kami menjalankan operasi bersepadu untuk membanteras rumah urut haram atau berlesen namun menyalahi peraturan ditetapkan,” katanya pada sidang media selepas program Ikrar Bebas Rasuah MPJBT Bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor di Dewan Serbaguna MPJBT, di sini, semalam.





MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH

No. Daftar : 06-2017/002
Tarikh : 08.06.2017 (Khamis)
Jenis Akhbar : Sinar Harian
Jenis Artikel : Info MPJBT
Tajuk Artikel : SPRM saran anggota PBT amal 'polisi tiada hadiah'

SPRM saran anggota PBT amal 'polisi tiada hadiah'

JOHOR BAHRU - Penjawat awam di Johor dinasihatkan menahan diri daripada menerima sesuatu yang boleh membawa kepada berlakunya rasuah dan salah guna kuasa.

Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor, Datuk Azmi Alias berkata, suruhanjaya itu komited memastikan negeri ini, bebas rasuah.

Menurutnya, SPRM tidak akan melepaskan mana-mana pihak yang terlibat penyalahgunaan kuasa dan rasuah sekali gus bersedia melakukan siasatan secara keseluruhan.

"Sebenarnya dalam menangani sesuatu kes, akhirnya kita (SPRM) lihat pada seseorang individu itu sendiri.

"Ini sangat mudah.. melalui perilaku dan hasil yang diterima. Contoh, apabila seseorang itu dalam pemerhatian, kita akan tengok pendapatan dia dari hari pertama dia masuk bekerja sehingga ke hari dia disiasat.

"Selain itu (pendapatan), penjawat awam tidak boleh menerima ganjaran lain. SPRM akan lihat punca dan jumlah pendapatan diterima. Bila ada unsur lain, ini jadi masalah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada lebih 700 warga Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) sempena Majlis Ikrar Bebas Rasuah antara pihak berkuasa tempatan tersebut bersama SPRM Johor di sini semalam.

Hadir sama, Yang Dipertua MPJBT, Adib Azhari Daud.

Azmi berkata, perkhidmatan awam di negeri ini juga disarankan untuk mengamalkan *no gift policy* untuk tidak hadiah di setiap organisasi mahupun jabatan masing-masing.

"Saya ingin memberi peringatan bahawa dalam bulan perayaan, banyak pihak sangat ghairah memberi hadiah kepada kita (PBT).

"Oleh itu, dalam fikir hendak menerima, ingat ikrar yang ada lafazkan pada hari ini. Cakap pada diri sendiri, *no gift policy*."

"Sebagai penjawat awam, mesti ada 'sekatan' (daripada menerima sesuatu) dan ia perlu dikekalkan. Kalau boleh elak, sila elak," katanya.

Beliau berkata, kepakaran dimiliki SPRM mampu mengesan seseorang individu atau penjawat awam itu terlibat dengan rasuah atau salah guna kuasa.

Selain itu, Azmi meminta orang ramai agar terus tampil menyalurkan maklumat mengenai salah laku dan penyelewengan dalam sesebuah organisasi bagi membantu pihaknya membanteras gejala rasuah di negeri ini.

"Ini termasuklah menggunakan nama pembesar agar tidak dikenakan tindakan penguatkuasaan.

"Jika ada, datang kepada SPRM. Bukan apa, mungkin ada elemen rasuah. Saya mahu masyarakat menganggap rasuah itu musuh utama kepada negara," katanya.





MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH

No. Daftar : 06-2017/003
Tarikh : 08.06.2017 (Khamis)
Jenis Akhbar : Berita Harian
Jenis Artikel : Info MPJBT
Tajuk Artikel : Warga MPJBT tandatangani ikrar bebas rasuah

Warga MPJBT tandatangani ikrar bebas rasuah

[FOTO MOHD AZREN JAMALUDIN/BH]



Adib Azhari (tiga dari kiri) menyampaikan dokumen kepada Azmi pada majlis menandatangani Ikrar Bebas Rasuah Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah Bersama SPRM di Johor Bahru, semalam.

Johor Bahru: Seramai 759 kakitangan dan ahli Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) menandatangani Ikrar Bebas Rasuah sebagai komitmen menolak rasuah, sekali gus menepis persepsi negatif masyarakat.

Majlis menandatangani ikrar itu disaksikan oleh Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor, Datuk Azmi Alias dan turut dihadiri Yang Dipertua MPJBT, Adib Azhari Daud.

Jaga integriti diri

Azmi dalam ucapannya berkata, penjawat awam wajar menolak tawaran atau ganjaran dikhuatiri akan mengundang risiko rasuah, sekali gus menjejaskan integriti diri dan menyalahi undang-undang.

Katanya, bagi memastikan integriti tidak terjejas, penjawat awam khususnya kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) per-

lu melaksanakan tugas mengikut prosedur dan lebih bertanggungjawab melaksanakan tugas dengan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah.

“SPRM akan memastikan pegawai dalam perkhidmatan awam ini betul-betul dapat menahan diri daripada menerima sebarang perkara yang boleh menyebabkan gejala rasuah dan mencemarkan integriti,” katanya.

Azmi berkata, pihaknya mengingatkan penjawat awam khususnya kakitangan MPJBT supaya melaporkan kepada SPRM seberapa segera sekiranya terdapat sebarang unsur berbentuk jenayah rasuah.

“Ketika ini, ramai kontraktor ghairah memberi ganjaran hamper atau habuan, namun kalau ada pun yang merayu atau beri habuan, maka terus tangkap orang yang menyogok ini dan kenakan tindakan sewajarnya,” katanya.

